

**PENGLIBATAN PELAJAR DALAM PEMBELAJARAN KOPERATIF DI
SEKOLAH MENENGAH VOKASIONAL**

NOR HASLIZA BINTI MOHAMED

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi
Sebahagian daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik Dan Vokasional

Fakulti Pendidikan Teknikal Dan Vokasional
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

JANUARI 2012

ABSTRAK

Pembelajaran koperatif merupakan satu teknik pembelajaran yang melibatkan pelajar bekerjasama dalam satu kumpulan untuk mencapai matlamat bagi menyempurnakan sesuatu projek. Justeru itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk melihat tahap penglibatan pelajar dalam pembelajaran koperatif di Sekolah Menengah Vokasional. Pelajar yang dimaksudkan ialah pelajar jurusan Elektrik Elektronik, Amalan Bengkel Mesin, Kimpalan Fabrikasi Logam, Automotif, Binaan Bangunan dan Penyejukan Dan Penyamanan Udara. Penyelidik telah melibatkan sejumlah 198 orang responden yang terdiri daripada pelajar Tingkatan Empat SMV Batu Pahat dan SMV Kluang. Kajian ini berbentuk tinjauan dan instrumen kajian yang digunakan ialah borang soal selidik. Data- data yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian *Statistical Packages for Social Science (SPSS) versi 16.0* bagi mendapatkan nilai skor min, sisihan piawai dan perbezaan tahap penglibatan pelajar dalam pembelajaran koperatif berdasarkan jantina dan jurusan melalui Ujian t dan Ujian ANOVA. Dapatan kajian menunjukkan penglibatan pelajar dalam pembelajaran koperatif berada pada tahap yang tinggi. Dapatan kajian juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan tahap penglibatan pelajar dalam pembelajaran koperatif berdasarkan jantina. Analisis Ujian ANOVA pula menunjukkan terdapat perbezaan tahap penglibatan pelajar dalam pembelajaran koperatif berdasarkan jurusan. Beberapa cadangan turut disarankan kepada pihak sekolah dan guru serta semua yang terlibat bagi meningkatkan lagi tahap penglibatan pelajar dalam pembelajaran koperatif di Sekolah Menengah Vokasional.

ABSTRACT

Cooperative learning is a teaching technique that involves students working in groups to achieve the goal of completing a project. Thus, this study aims to examine the involvement of students in cooperative learning in secondary vocational schools. Students majoring in Electrical, Electronics, Machine Shop Practice, Welding Fabrication, Automotive, Building and Air-Conditioning and Refrigeration one referred. Researchers have involved a total of 198 respondents consisting of four students SMV Batu Pahat and SMV Kluang. This is a survey and the instrument used was a questionnaire. The data obtained analyzed using *Statistical Packages for Social Science (SPSS) version 16.0* for the mean score, standard deviation and different levels of involvement of students in cooperative learning based on gender and course using T test and ANOVA test. The findings of the study using the analysis of mean and standard deviation scores show the degree of involvement of students in cooperative learning is at high level. While the findings of the study using t-Test analysis showed no difference in the level of cooperative learning students based on gender. Analysis ANOVA test showed different levels of student involvement in the course cooperative learning based. Some suggestions are also recommended to the school and teachers and all involved to enhance student involvement in co-operative learning in secondary vocational schools.

ISI KANDUNGAN

TAJUK	i
PENGAKUAN PENYELIDIK	ii
DEDIKASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xiv
BAB 1	
Pengenalan	1

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar belakang masalah	3
1.3	Pernyataan Masalah	6
1.4	Objektif Kajian	6
1.5	Persoalan Kajian	7
1.6	Hipotesis Kajian	7
1.7	Kepentingan Kajian	8
1.6	Skop Kajian	9
1.8	Batasan Kajian	10
1.10	Kerangka Konsep Kajian	10
1.11	Definisi Istilah	11
1.11.1	Pendidikan Vokasional	11
1.11.2	Pelajar	12
1.11.3	Sekolah Vokasional	12
1.11.4	Pembelajaran Berpusatkan Pelajar	13
1.11.5	Pembelajaran Koperatif	13
1.12	Rumusan	14
BAB 2	KAJIAN LITERATUR	15
2.1	Pendahuluan	15
2.2	Pembelajaran Koperatif	15
2.3	Elemen- Elemen Asas Dalam Pembelajaran Koperatif	21
2.3.1	Pergantungan yang positif	21
2.3.2	Kebertanggungjawaban individu	21
2.3.3	Interaksi Secara Bersemuka	23
2.3.4	Keperluan Kemahiran Perhubungan Individu dan Kemahiran Muafakat Kumpulan Kecil	24
2.3.5	Pemprosesan Kumpulan	24
2.4	Teknik Pembelajaran Koperatif	25
2.4.1	Belajar Bersama (<i>Learning Together</i>)	25

2.4.2	Pembelajaran Pasukan Pelajar (<i>Student Team Learning</i>)	25
2.4.3	<i>Jigsaw</i>	29
2.4.4	<i>Group Investigation</i>	29
2.5	Pelaksanaan Pembelajaran Koperatif	30
2.6	Kategori Kumpulan Pembelajaran Koperatif	30
2.7	Kebaikan Pembelajaran Koperatif	35
2.8	Kesan Pembelajaran Koperatif Ke Atas Pencapaian Akademik	36
2.9	Rumusan	38
BAB 3	METHODOLOGI	39
3.1	Pendahuluan	39
3.2	Reka Bentuk Kajian	39
3.3	Populasi Dan Sampel Kajian	40
3.4	Instrumen Kajian	41
3.4.1	Soal Selidik	40
3.4.2	Kesahan	43
3.4.3	Kebolehpercayaan	44
3.5	Kerangka Operasi Kajian	48
3.6	Pengumpulan Data	46
3.7	Analisis Data	46
3.7.1	Kaedah penganalisis data	46
3.8	Andaian Kajian	49
3.10	Rumusan	50
BAB 4	ANALISIS DATA	51
4.1	Pendahuluan	51
4.2	Prosedur Menganalisis Data	52

4.3	Latar Belakang Responden	52
4.4	Dapatan Kajian	54
4.4.1	Persoalan Pertama	54
4.4.2	Persoalan Kedua	65
4.4.3	Persoalan ketiga	66
4.4.4	Soal selidik Terbuka	67
4.5	Kesimpulan	69
BAB 5	PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	70
5.1	Pendahuluan	71
5.2	Perbincangan dan Kesimpulan	71
5.2.1	Penglibatan pelajar dalam pembelajaran koperatif	71
5.2.2	Perbezaan tahap penglibatan pelajar dalam pembelajaran koperatif berdasarkan jantina	73
5.2.3	Perbezaan penglibatan pelajar dalam pembelajaran koperatif berdasarkan jurusan	74
5.3	Kesimpulan	76
5.4	Cadangan	76
5.4.1	Cadangan kepada Guru dan Pelajar	76
5.4.2	Cadangan Melaksanakan Pembelajaran Koperatif dengan berkesan	78
5.5	Cadangan Untuk Kajian Lanjutan	79
5.6	Penutup	80
	RUJUKAN	81
	SENARAI LAMPIRAN	

SENARAI JADUAL

Jadual 3.1	Menunjukkan bilangan populasi dan sampel kajian	41
Jadual 3.2:	Skala Ordinal	42
Jadual 3.3 :	Penilaian Kebolehpercayaan, (α)	44
Jadual 3.4 :	Nilai <i>Alpha Cronbach</i>	46
Jadual 3.5 :	Penganalisis data berdasarkan persoalan kajian.	47
Jadual 4.1:	Tafsiran Julat Nilai min	52
Jadual 4.2:	Latar Belakang Responden	53
Jadual 4.3:	Penglibatan pelajar dalam pembelajaran koperatif	55
Jadual 4.4:	Perbezaan tahap penglibatan pelajar dalam pembelajaran koperatif di Sekolah Menengah Vokasional berdasarkan jantina.	66
Jadual 4.5:	Ujian ANOVA perbezaan penglibatan pelajar dalam pembelajaran koperatif berdasarkan jurusan	67
Jadual 4.6:	Cadangan responden bagi meningkatkan pembelajaran koperatif pelajar di Sekolah Menengah Vokasional	68

SENARAI RAJAH

1.1 Kerangka Konsep Kajian	11
3.1 Kerangka Operasi Kajian	48

SENARAI LAMPIRAN

A Carta Gantt	89
B Soal Selidik	92
C Surat & borang pengesahan	99
D Dapatan analisis Alpha Cronbach	105
E Dapatan Analisis Kajian Sebenar	109

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang berkesan dan efektif adalah aspek penting dalam proses pembangunan negara dalam meningkatkan bakat, kemahiran, kreativiti dan semangat bangsa. Lebih-lebih lagi dalam menghadapi pelbagai perubahan dan pembaharuan yang sedang berlaku sekarang ini di dalam era teknologi maklumat yang tiada batasannya sekarang. Di dalam pengurusan strategik, sekolah merupakan institusi yang bertanggungjawab untuk mengeluarkan pelajar yang berketerampilan, cemerlang, kreatif dan inovatif. Oleh yang demikian, proses P&P adalah penting sebagai perantaraan dalam mencapai matlamat ini iaitu menghasilkan pelajar-pelajar yang berkemahiran dan berpengetahuan tinggi sejajar dengan misi pendidikan teknik dan vokasional. Terdapat berbagai kaedah P & P yang boleh diaplikasikan. Di antaranya ialah pembelajaran koperatif atau pembelajaran secara berkumpulan terbimbing.

Menurut Borhan, (2001) pembelajaran koperatif atau pembelajaran berkumpulan terbimbing adalah merupakan pembelajaran dalam kumpulan. Pembelajaran koperatif juga merupakan pendekatan pembelajaran yang mempunyai kelebihan kerana mereka lebih berpeluang untuk memberikan idea, berbincang dan berinteraksi satu sama lain dan belajar melalui pengalaman mereka sendiri. Pendekatan ini merupakan satu inovasi dalam strategi pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar. Di peringkat sekolah menengah pelajar-pelajar yang baru memasuki peringkat ini perlu diajar dan diterapkan nilai pembelajaran sendiri dan berdikari agar mereka bertanggungjawab ke atas pembelajaran mereka. Kaedah kumpulan sama kebolehan membolehkan guru membimbing pelajar mengikut kebolehan di samping menjalankan aktiviti-aktiviti pengayaan dan pemulihan mengikut keperluan masing-masing. Kaedah kumpulan pelbagai kebolehan telah memberi peluang mengamalkan pengajaran rakan sebaya,

memupuk semangat kerjasama dan bertimbangrasa, perkembangan sahsiah dan kemahiran sosial. Pelajar hari ini bakal mewarisi pemimpin di masa akan datang, begitu juga dengan pelajar-pelajar lepasan sekolah menengah teknik aliran teknik dan vokasional yang bakal menjadi pekerja mahir dan separuh mahir untuk menyahut seruan kerajaan terhadap Wawasan 2020. Justeru itu, pengajaran di makmal atau bengkel juga perlu menggunakan pendekatan yang sesuai supaya proses pengajaran dan pembelajaran berlaku secara berkesan. Makmal mempunyai ciri-ciri yang berbeza dengan bilik darjah kerana terdapat banyak peralatan dan bahan.

Pembelajaran koperatif juga dilihat sebagai suatu usaha ke arah mempertingkatkan lagi pencapaian pelajar dan kemahiran kognitif (Slavin, 1995). Berita Harian pada 25 Disember 2009, telah melaporkan bahawa kaedah belajar secara berkumpulan serta tumpuan yang diberikan dalam bilik darjah semasa proses pengajaran dan pembelajaran telah membolehkan sembilan belas orang pelajar Sekolah Maahad Tahfiz Kuantan, Pahang mendapat pangkat A bagi sembilan mata pelajaran yang diambil dalam Penilaian Menengah Rendah 2009. Manakala seramai 7,987 calon Sijil Pelajaran Malaysia 2009 telah mendapat keputusan yang cemerlang hasil daripada pembelajaran secara berkumpulan (Berita Harian 12 Mac 2010). Ini telah membuktikan bahawa pembelajaran koperatif adalah satu pendekatan pembelajaran yang perlu diwujudkan dalam suasana pembelajaran di samping mempertingkatkan lagi mutu prestasi pelajar dalam akademik .

Pembelajaran koperatif adalah satu teknik pengajaran moden. Ia dapat meningkatkan pemahaman pelajar, meningkatkan pencapaian pelajar, kemahiran berfikir, motivasi dan juga menguasai pengetahuan secara berterusan oleh pelajar. Pembelajaran koperatif telah meningkatkan motivasi pelajar dan juga suasana bilik darjah.

1.2 Latar belakang masalah

Pendidikan teknik dan vokasional yang telah lama berkembang di Malaysia dibentuk bertujuan untuk melengkapkan pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran asas vokasional dan teknikal. Masyarakat moden kini lebih memberikan perhatian terhadap pendidikan teknik dan vokasional di sekolah menengah rendah sebagai pilihan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat menengah atas. Ini dapat dibuktikan dengan statistik

permohonan yang dibuat pada tahun 2006. Melalui keratan akhbar (Berita Harian, 2006) seramai 53,125 permohonan lulusan Penilaian Menengah Rendah pada tahun 2005 telah ditawarkan untuk memasuki Tingkatan Empat di Sembilan puluh Sekolah Menengah Teknik di seluruh Negara. Daripada jumlah ini, seramai 34,605 pelajar ditawarkan mengikuti aliran teknikal manakala 16,220 pelajar pula ditawarkan mengikuti aliran vokasional dan 2300 pelajar mengikuti aliran kemahiran.

Pelajar sekolah menengah Vokasional terdiri daripada pelbagai aliran kursus. Antara bidang vokasional yang diikuti oleh pelajar Sekolah Menengah Vokasional ialah Elektrik, Elektronik, Amalan Bengkel Mesin, Kimpalan Fabrikasi Logam, Automotif, Binaan Bangunan dan Penyejukan dan Penyamanan Udara. Setiap sekolah boleh menawarkan sehingga empat mata pelajaran vokasional dengan 1-2 kelas bagi setiap mata pelajaran. Mata Pelajaran Vokasioanal di peruntukkan 12 waktu seminggu kecuali matapelajaran Grafik Multimedia dan Grafik Berkomputer yang dikendalikan dalam masa 8 waktu seminggu. Pendidikan Vokasional amat sesuai dengan matlamat pembangunan negara, sistem itu dapat disesuaikan dengan keperluan pekerja dan majikan dan sistem yang fleksibel dan bertanggungjawab. Matlamat mata pelajaran vokasional ini ialah untuk melahirkan pelajar yang berkemahiran dalam bidang usaha yang relevan dan bermakna untuk membolehkan mereka mendapatkan pekerjaan, memulakan perniagaan atau meneruskan latihan diperingkat yang lebih tinggi (PPK - Edisi 2, Oktober 2001). Setiap kursus yang ditawarkan mempunyai komponen amali. Dalam pengajaran amali pelajar diberi peluang untuk mengaplikasikan teori yang dipelajari dan memupuk kemahiran menjalankan amali yang berkaitan (Azlan, 2000). Setiap kelas amali dikendalikan dalam jadual waktu sekolah (mengikut kesesuaian jadual) bagi 20-25 orang pelajar. Mereka akan menjalankan amali secara individu atau secara berkumpulan.

Pengajaran amali dimulakan dengan pembahagian buku panduan kerja amali (*lab sheet*) kepada pelajar. Ini adalah untuk memastikan amali yang akan dijalankan dilaksanakan dengan lancar. Sebelum pelajar menjalankan amali, guru terlebih dahulu akan menunjukkan demonstrasi kepada pelajar. Guru akan memberi penerangan cara-cara menjalankan amali kepada pelajar. Semasa demonstrasi dijalankan pelajar boleh bersoal jawab dengan guru. Setelah selesai demonstrasi oleh guru, pelajar dikehendaki

menjalankan amali secara individu atau berkumpulan. Semasa amali dijalankan, guru akan bertindak sebagai fasilitator, di mana pelajar boleh bertanya kepada guru jika menghadapi kesulitan semasa melakukan amali tersebut. Guru juga perlu memastikan semua pelajar mematuhi peraturan kerja amali. Secara tidak langsung, ia dapat melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bengkel.

Kebiasaannya guru-guru menggunakan kaedah “chalk and talk” untuk mengajar sesuatu mata pelajaran. Kaedah ini lebih tertumpu kepada guru sebagai sumber utama untuk bantuan dan maklumat (Hamm dan Adams, 1994). Sebaliknya keadaan ini tidak berlaku dalam pembelajaran berpusatkan murid, dimana pelajar adalah autonomi dan mereka bertanggungjawab sepenuhnya menentukan hala tuju proses pembelajaran. Dalam satu perbandingan antara pembelajaran berpusatkan guru dan murid Johnson (1989), telah mengatakan bahawa pelajaran berpusatkan murid lebih memotivasikan pelajar untuk berkerjasama antara satu sama lain dalam menyelesaikan sesuatu masalah.

Menurut Salleh (2005), ketidakupayaan pelajar dalam menguasai pengetahuan secara berterusan dan memahami topik-topik yang telah dipelajari adalah disebabkan oleh proses pembelajaran yang tidak melibatkan pelajar secara aktif. Pelajar-pelajar yang terlibat secara aktif dalam komuniti pelajar dapat menguasai pengetahuan secara berterusan. Maka satu kaedah yang dikenali bagi menyediakan peluang kepada untuk memaksimumkan pembelajaran mereka adalah melalui pembelajaran koperatif.

Menurut Jennifer (2004), pelajar dalam bidang kejuruteraan seharusnya berkeupayaan untuk mengaplikasi pengetahuan matematik, sains dan kejuruteraan serta mempunyai kelebihan untuk menggunakan teknik dan kemahiran dalam alam kejuruteraan. Salah satu menggalakkan pelajar mengaplikasikan ilmu yang telah dipelajari ialah dengan memberi peluang dan melibatkan mereka dalam proses pembelajaran. Contohnya pelajar di Northeastern University telah didedahkan dengan menghasilkan suatu projek yang berkaitan dengan subjek yang dipelajari dengan menggunakan kaedah pembelajaran koperatif. Dengan kaedah pembelajaran ini, pelajar secara tidak langsung telah melatih diri mereka dengan menggunakan dan mengaplikasikan ilmu yang telah dipelajari.

Seperti yang diketahui masalah bidang kejuruteraan moden semakin rumit untuk diselesaikan pada waktu yang tepat dan cekap oleh jurutera yang bekerja secara

individu. Melalui pengalaman Jacobson, D. *et al* pembelajaran koperatif berkesan dalam bidang pengajian kejuruteraan. Ini telah membuktikan pembelajaran koperatif juga sesuai digunakan dalam bidang teknikal seperti mana ia sesuai digunakan dalam bidang bukan teknikal. Ini kerana dalam bidang kejuruteraan pelajar perlu memahami konsep kejuruteraan untuk diaplikasikan secara praktikal di alam pekerjaan kelak.

Dalam pembelajaran koperatif, pelajar bukan sahaja diterapkan menguasai amalan bekerjasama tetapi juga dapat meningkatkan kemahiran kognitif sosial. Contohnya meningkatkan kemahiran komunikasi dan membuat keputusan bersama (Kim,et al 1998). Selain itu, pembelajaran koperatif juga dapat menolong pelajar kebimbangan semasa berkomunikasi. Dimana pelajar akan berkomunikasi antara satu sama lain bagi menyelesaikan masalah kejuruteraan.

Kaedah pembelajaran koperatif digunakan dalam *Problem Based Learning* selaras dengan inisiatif Kementerian Pengajian Tinggi untuk menghasilkan graduan yang bukan sahaja menguasai bidang pengajian masing- masing malah memiliki kemahiran insaniah. Kaedah pembelajaran yang inovatif sedemikian juga selaras dengan keperluan badan akreditasi seperti Majlis Akreditasi Kejuruteraan (Berita Harian 25 Januari 2007).

Di dalam pembelajaran koperatif, interaksi sesama pelajar diberi tumpuan didalam proses pembelajaran. Secara umumnya, para sarjana melihat pembelajaran koperatif sebagai satu strategi pembelajaran berkumpulan yang mana didalamnya pelajar berinteraksi sesama mereka dan saling bantu- membantu dalam proses pembelajaran.

1.3 Pernyataan Masalah

Pembelajaran koperatif telah lama di perkenalkan di sekolah-sekolah menengah vokasional sama ada di dalam bengkel atau di dalam kelas. Namun, tahap penglibatan pelajar dalam pembelajaran koperatif masih kurang menyerlah berbanding kaedah pembelajaran yang lain. Ini kerana mereka masih lagi mengamalkan pembelajaran pemusatan guru di mana kaedah ini lebih tertumpu kepada guru sebagai sumber utama untuk bantuan dan maklumat. Walaupun, kaedah pengajaran tradisional ini mempunyai kelebihan yang tersendiri seperti menjimatkan masa guru dan keadaan kelas

terkawal, namun kekurangan nyata dalam teknik ini ialah gagal menyentuh aspek kuasa pembelajaran dan pengajaran secara koperatif.

Bagi mengatasi masalah di atas, alternatif lain perlu dilakukan bagi meningkatkan tahap penglibatan pelajar dalam pembelajaran koperatif dalam pembelajaran mereka dan mengurangkan penggunaan kaedah pemusatan guru dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran vokasional di mana pelajar dijadikan tumpuan utama. Menurut Abdul Kadir (2002) pembelajaran koperatif adalah satu alternatif yang terbaik untuk digunakan kerana berasaskan kajian dan pengalaman yang dilakukan, ianya telah dikenalpasti oleh pakar pendidikan sebagai satu rangka kerja yang berkesan untuk pembelajaran dalam apa jua disiplin pelajaran.

Dapatan kajian Burton (1987), menunjukkan bahawa pelajar-pelajar dapat belajar lebih berbanding kaedah *chalk and talk*. Tahap pemahaman dan pencapaian akademik meningkat dan didapati mereka menggemari pembelajaran koperatif di samping meningkatkan pembangunan sosial dan intelektual. Kajian-kajian lepas menunjukkan interaksi sesama pelajar menjadi ciri utama pembelajaran koperatif berupaya meningkatkan pencapaian pelajar (Newmann dan Thompson, 1987). Walau bagaimanapun kajian penggunaan pembelajaran koperatif dalam mata pelajaran vokasional yang berbentuk eksperimen belum begitu meluas di Malaysia.

Maka kajian ini penting untuk menentukan sejauh mana penglibatan pelajar dalam pembelajaran koperatif di Sekolah Menengah Vokasional. Penglibatan diukur melalui kesan dan tahap pelaksanaan pelajar dalam pembelajaran koperatif di Sekolah Menengah Vokasional.

1.4 **Objektif Kajian**

Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk:

- (i) Menentukan tahap penglibatan pelajar dalam pembelajaran koperatif di Sekolah Menengah Vokasional.
- (ii) Menentukan perbezaan tahap penglibatan pelajar dalam pembelajaran koperatif berdasarkan jantungina.

- (iii) Menentukan perbezaan tahap penglibatan pelajar dalam pembelajaran kooperatif berdasarkan jurusan.

1.5 Persoalan Kajian

Kajian ini bertujuan mencari jawapan bagi beberapa persoalan kajian seperti yang disenaraikan di bawah:

- (i) Apakah tahap penglibatan pelajar dalam pembelajaran kooperatif di Sekolah Menengah Vokasional?
- (ii) Bagaimanakah perbezaan tahap penglibatan pelajar dalam pembelajaran kooperatif berdasarkan jantina?
- (iii) Bagaimanakah perbezaan tahap penglibatan pelajar dalam pembelajaran kooperatif berdasarkan jurusan?

1.6 Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian adalah:

$H_{0(1)}$: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap penglibatan pelajar dalam pembelajaran kooperatif berdasarkan jantina.

$H_{1(1)}$: Terdapat perbezaan yang signifikan tahap penglibatan pelajar dalam pembelajaran kooperatif berdasarkan jantina.

$H_{0(2)}$: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap penglibatan pelajar dalam pembelajaran kooperatif berdasarkan jurusan.

$H_{1(2)}$: Terdapat perbezaan yang signifikan tahap penglibatan pelajar dalam pembelajaran kooperatif berdasarkan jurusan.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting bagi mengetahui tahap penglibatan pelajar dalam pembelajaran koperatif terhadap proses pengajaran dan pembelajaran (P&P). Kepentingan kajian ini boleh dibahagikan kepada beberapa pihak. Hasil daripada kajian ini diharapkan dapat membantu semua pihak yang terlibat dalam bidang pendidikan iaitu pelajar, guru, pihak sekolah serta kementerian dan penggubal dasar.

Menurut kajian ini, pelajar dapat mengetahui tahap penglibatan pelajar dalam pembelajaran koperatif bagi pelajar-pelajar Tingkatan 4 jurusan Elektrik, Elektronik, Amalan Bengkel Mesin, Kimpalan Fabrikasi Logam, Automotif, Binaan Bangunan dan Penyejukan Dan Penyamanan Udara. Pembelajaran koperatif dalam proses pengajaran dan pembelajaran dapat membolehkan pelajar belajar secara berkumpulan disamping menguasai pengetahuan secara berterusan. Pelajar tidak akan terikat dengan satu kaedah pembelajaran sahaja ini kerana pembelajaran koperatif boleh dilakukan di dalam atau di luar bilik darjah mengikut kesesuaian.

Kajian yang dilakukan dapat membantu guru-guru di sekolah menengah vokasional membuat penyeliaan terhadap kesesuaian pembelajaran koperatif dalam setiap mata pelajaran. Ini secara tidak langsung dapat menjamin seluruh isi kandungan yang menggunakan pendekatan pembelajaran koperatif dapat disampaikan kepada pelajar disamping meningkatkan penguasaan pengetahuan pelajar secara berterusan dalam subjek teknikal. Maklumat yang diperolehi melalui kajian ini dapat membantu guru di dalam pedagogi mereka. Kajian ini juga diharap dapat menyumbangkan satu alternatif keperluan kepada pihak sekolah dalam merangka strategi yang berkesan dan memberikan panduan dalam usaha meningkatkan pencapaian akademik pelajar. Pihak sekolah dapat merancang dalam menggubal masa jadual waktu serta penyediaan bilangan pelajar dalam sesuatu kelas bagi memudahkan kaedah pengajaran koperatif dilakukan. Kajian ini juga dapat dijadikan sebagai rujukan untuk pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (Pengajian Teknikal) khususnya sekolah-sekolah menengah teknik dan vokasional di seluruh Malaysia dan penggubal dasar kurikulum dalam menyediakan keperluan yang mencukupi bagi melaksanakan kaedah pembelajaran koperatif bagi setiap mata pelajaran.

Justeru itu, dengan adanya kajian ini, diharapkan akan membantu kesemua pihak yang berkaitan di atas bagi mengambilkira pembelajaran koperatif sebagai alternatif

kepada strategi pengajaran dan pembelajaran yang sedia ada di dalam melahirkan individu berupaya menjadi anggota masyarakat yang seimbang dalam aspek intelek dan emosi.

1.8 Skop Kajian


Kajian ini adalah untuk mengkaji tahap penglibatan pelajar dalam pembelajaran koperatif di sekolah menengah vokasional. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti tahap penglibatan pelajar dalam pembelajaran koperatif di dalam bengkel dan dalam bilik darjah sahaja. Faktor-faktor yang mempengaruhi penglibatan pelajar dalam pembelajaran koperatif ini pula akan dilihat dari aspek kesan dan pelaksanaan pembelajaran koperatif pelajar di Sekolah Menengah Vokasional.

1.9 Batasan Kajian

Kajian ini akan dijalankan di dua buah Sekolah Menengah Vokasional iaitu SMV Batu Pahat dan SMV Kluang. Dalam kajian ini rekabentuk persampelan adalah secara rawak berlapis. Populasi sasaran adalah terdiri daripada para pelajar jurusan Elektrik Elektronik, Amalan Bengkel Mesin, Kimpalan Fabrikasi Logam, Automotif, Binaan Bangunan dan Penyejukan Dan Penyamanan Udara. Manakala sampel adalah pelajar tingkatan 4 dari kursus yang sama yang dipilih secara rawak berlapis.

1.10 Kerangka Konsep Kajian

Rajah 1.1 menunjukkan kerangka konsep kajian bagi pembelajaran koperatif yang mengandungi tujuh elemen pembelajaran berkumpulan iaitu saling bergantungan yang positif, bertanggungjawab individu, kemahiran antara perseorangan dan kumpulan kecil, peruntukan dan pengurusan masa, pembentukan kumpulan dan heterogenous, arahan dan objektif pembelajaran yang jelas dan interaksi bersemuka. Daripada tujuh elemen tersebut pengkaji mengenalpasti penglibatan pelajar dalam pembelajaran koperatif di Sekolah Menengah Vokasional. Seterusnya, di akhir kajian pengkaji dapat mengetahui sama ada tahap penglibatan pelajar berada pada tahap yang rendah atau tinggi dan dapat meningkatkan prestasi pelajar dalam pembelajaran mereka.



Rajah 1.1 Kerangka Konsep Kajian (Stahl, 1994).

1.11 Definisi Istilah

Terdapat beberapa istilah yang digunakan dalam kajian ini. Berikut adalah istilah - istilah yang digunakan:

1.11.1 Pendidikan Vokasional

Pendidikan Vokasional ditakrifkan sebagai satu program kurikulum yang direkabentuk untuk memperkenalkan kepada pelajar dunia pekerjaan melalui pendedahan dan pengalaman dalam kerjaya industri dan perdagangan. Dalam kajian ini pendidikan vokasional dalam bidang-bidang yang terdapat di SMV Batu Pahat dan SMV Kluang sahaja.

1.11.2 Pelajar

Menurut Kamus Dewan (1998), pelajar ialah orang yang belajar seperti murid sekolah, penuntut di maktab dan sebagainya. Selain itu, pelajar juga merupakan orang yang mengaji (menyelidiki ilmu). Dalam kajian ini pelajar bermaksud pelajar SMV Batu Pahat dan SMV Kluang.

1.11.3 Sekolah Vokasional

Sekolah adalah tempat untuk menerima pelajaran iaitu tempat belajar bagi murid - murid sekolah rendah dan sekolah menengah dari tahun satu hingga ke tingkatan enam. Menurut Kamus Dewan.(1998), sekolah ialah tempat untuk belajar dan mengajar, dan juga tempat menerima dan memberi pengajaran. Dalam kajian ini sekolah bermaksud SMV Batu Pahat dan SMV Kluang.

1.11.4 Pembelajaran Berpusatkan Pelajar

Sulaiman (2004) menyatakan bahawa pengajaran berpusatkan pelajar ialah suasana pengajaran yang mana pelajar terlibat secara aktif dalam pembelajaran. Pelajar terlibat dalam aktiviti seperti perbincangan, penyelesaian masalah, melukis dan banyak lagi. Melalui pendekatan pengajaran jenis ini pelajar tidak lagi bergantung pada bahan-bahan atau sumber maklumat daripada guru semata-mata. Kaedah yang digunakan dalam pengajaran berpusatkan pelajar ialah pembelajaran sendiri, pengarahannya sendiri, kaedah dapatan, penyelesaian masalah, perbincangan dalam kumpulan, inkuiri, penemuan dan pembelajaran koperatif (Ee, 1997). Dalam kajian ini, berkumpulan untuk perbincangan, penyelesaian masalah, melukis, pembelajaran sendiri, pengarahannya sendiri, kaedah dapatan yang di amalkan oleh pelajar SMV Batu pahat dan SMV Kluang.

1.11.5 Pembelajaran Koperatif

Definisi pembelajaran koperatif yang telah diberikan oleh Johnson, (1999) ialah satu kaedah untuk menggalakkan pelajar belajar antara satu sama lain. Kumpulan pembelajaran koperatif digunakan untuk mengajar topik tertentu (kumpulan

pembelajaran koperatif formal), untuk memastikan memproses maklumat kognitif secara aktif semasa pengajaran (kumpulan pembelajaran kognitif tidak formal) dan juga untuk menyediakan penguasaan jangka panjang dalam kemajuan akademik (Johnson, Johnson dan Smith, 1991). Secara amnya, pembelajaran koperatif adalah bekerjasama dalam kumpulan kecil untuk mencapai matlamat bersama. Sifat paling penting bagi pembelajaran kognitif ialah kejayaan seseorang pelajar dalam membantu rakan-rakan lain untuk mencapai kejayaan dalam pembelajaran masing-masing. Teknik di dalam pembelajaran koperatif yang digunakan adalah bahagian pencapaian pasukan pelajar atau *student teams-achievement division (STAD)*. Dalam kajian ini, pembelajaran koperatif yang dimaksudkan adalah kaedah pembelajaran yang digunakan pelajar SMV Batu Pahat dan SMV Kluang.

1.12 Rumusan

Di dalam Bab 1 ini penyelidik telah menjelaskan pengenalan kepada kajian yang dijalankan. Seterusnya dijelaskan juga beberapa isu yang wujud di dalam pembelajaran koperatif bagi menyokong pernyataan masalah. Tumpuan diberikan kepada penglibatan pelajar dalam pembelajaran koperatif bagi meningkatkan pencapaian akademik dan serta mengetahui masalah pelajar semasa menggunakan teknik pengajaran dan pembelajaran secara berkumpulan. Bab 1 ini juga menerangkan mengenai perangkaan awal bagi melaksanakan kajian, sebagai panduan bagi memastikan setiap langkah yang diambil dapat mencapai matlamat yang telah ditetapkan.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan

Dalam Bab 2 ini penyelidik membincangkan tentang pengertian pembelajaran koperatif, berdasarkan pandangan dan kajian yang dijalankan oleh penyelidik-penyelidik terdahulu, tujuan pembelajaran koperatif, elemen-elemen asas pembelajaran koperatif, teknik pembelajaran koperatif, pelaksanaan pembelajaran koperatif, kategori kumpulan pembelajaran koperatif, dan kesan pembelajaran koperatif ke atas pencapaian akademik.

2.2 Pembelajaran Koperatif

Terdapat beberapa istilah yang digunakan bagi menggambarkan maksud pembelajaran koperatif. Biasanya, pembelajaran koperatif merupakan pembelajaran secara berkumpulan dan tidak berpusatkan pelajar.

Menurut Polai (2001) pula pembelajaran koperatif adalah satu kaedah pembelajaran yang menekankan penguasaan kemahiran, konsep dan maklumat di mana pelajar dikelaskan kepada kumpulan tertentu. Melalui pembelajaran ini, pelajar belajar cara untuk berinteraksi, dan bersosial dengan lebih baik, kerana pelajar digalakkan untuk mengeluarkan idea dan pendapat secara berani dan terbuka melalui proses kemahiran berfikir.

Mengikut Kamus Dewan (1998), koperatif bermaksud kerjasama. Pembelajaran koperatif merujuk kepada pembelajaran yang menggalakkan pelajar belajar bersama, berkongsi maklumat, bertukar pendapat dan berinteraksi antara satu sama lain dalam bentuk kumpulan kecil. Cumming dan Said (2000) mendefinisikan belajar bersama sebagai satu cara menyusun bilik darjah untuk belajar dimana pelajar bekerja bersama-sama dalam kumpulan kecil untuk menyiapkan tugas, belajar menghadapi ujian dan menyelesaikan masalah.

Pembelajaran koperatif merupakan salah satu strategi pembelajaran yang berkesan dan melalui kaedah ini, pelajar yang mempunyai pelbagai tahap kebolehan, kemahiran dan pemikiran, belajar bersama-sama dalam satu kumpulan. Dalam pembelajaran koperatif, setiap pelajar bertanggungjawab untuk berkongsi pengetahuan serta kemahiran yang ada bagi membantu ahli kumpulan yang lain dalam menjayakan proses pembelajaran. Oleh itu, setiap ahli kumpulan perlu memberikan komitmen yang tinggi pada tugas yang diberikan.

Pada masa ini, pelajar bukan lagi sebagai pendengar dan pengambil nota sahaja tetapi perlu juga mengambil bahagian dalam pembelajarannya dalam kelas. Oleh itu, peranan guru adalah mengurangkan penerangan atau kuliah dan sebaliknya menggalakkan pelajar menemui sendiri bahan pembelajaran sambil bekerjasama dengan pelajar lain untuk memahaminya. Menurut Husin & Abdul Aziz (2003), pembelajaran

koperatif digunakan oleh kumpulan-kumpulan kecil supaya pelajar dapat bekerja bersama-sama untuk memaksimumkan pembelajaran. Dalam sesebuah kumpulan, pemilihan pelajar adalah berdasarkan kemahiran dan kebolehan mereka ataupun menggabungkan pelajar-pelajar yang lemah supaya pelajar berpotensi ini dapat membantu pelajar yang lemah. Maka, jelaslah di sini bahawa kaedah pembelajaran koperatif ini mensasarkan tahap pembelajaran yang maksimum kepada semua pihak dalam sesebuah kumpulan tersebut (Abdul Kadir, 2002). Dengan itu, pembelajaran koperatif ialah pembelajaran secara bekerjasama dalam kumpulan, biasanya dilakukan dalam bilik kuliah.

Kebiasannya guru-guru menggunakan kaedah *chalk and talk* untuk mengajar sesuatu mata pelajaran. Kaedah ini lebih bertumpu kepada guru sebagai sumber utama untuk bantuan maklumat (Hamm dan Adams, 1994). Sebaliknya, keadaan ini tidak berlaku dalam pembelajaran berpusatkan murid, di mana pelajar adalah bersifat autonomi dan mereka bertanggungjawab sepenuhnya menentukan hala tuju proses pembelajaran. Dalam satu perbandingan antara pembelajaran berpusatkan guru dan murid Johnson and Johnson (1989), telah menyatakan bahawa pembelajaran berpusatkan murid lebih memotivasikan pelajar untuk bekerjasama antara satu sama lain dalam menyelesaikan sesuatu masalah.

Menurut Salleh, et al. (2005), ketidakupayaan pelajar dalam menguasai pengetahuan secara berterusan dan memahami topik-topik yang telah dipelajari adalah disebabkan oleh proses pembelajaran yang tidak melibatkan pelajar-pelajar secara aktif. Pelajar-pelajar yang terlibat secara aktif dalam komuniti pelajar dapat menguasai pengetahuan secara berterusan. Maka satu kaedah yang dikenalpasti bagi menyediakan peluang kepada pelajar untuk memaksimumkan pembelajaran mereka adalah melalui pembelajaran koperatif.

Pembelajaran koperatif menggalakkan pelajar berinteraksi secara aktif dan positif dalam kumpulan. Pelaksanaan pembelajaran koperatif dapat meningkatkan motivasi pelajar semasa perbincangan dalam kumpulan. Penglibatan dalam aktiviti kumpulan kecil dapat membangunkan kemahiran berfikir aras tinggi dan memantapkan kebolehan individu untuk mengaplikasikan pengetahuan (Teck Hock, 1999). Dalam interaksi bersemuka, pelajar perlu melakukan kerja-kerja secara bersama-sama dan

berusaha mempertingkatkan kejayaan setiap orang daripada ahli kumpulan berkongsi sumber dan saling bantu membantu, menyokong, menggalakkan dan menghargai usaha yang dicapai oleh setiap ahli (Husin & Abdul Aziz, 2003).

Pembelajaran koperatif merupakan satu strategi pengajaran umum yang boleh dilaksanakan dalam kumpulan belajar yang kecil dimana pelajar berinteraksi sesama sendiri bagi menyelesaikan tugas untuk mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran. Ianya melibatkan perkongsian pembelajaran atau dapatan di antara ahli-ahli dalam kumpulannya. Pembelajaran koperatif boleh disesuaikan dengan sebarang kumpulan umur dan sebarang matapelajaran. Ianya merupakan satu pendekatan yang baik dan perlu digunakan di dalam pengajaran dan pembelajaran bagi mewujudkan suasana pembelajaran yang sihat dan bersemangat di kalangan pelajar-pelajar di samping mempertingkatkan lagi mutu prestasi pelajar dalam peperiksaan.

Merujuk kepada Johnson dan Johnson (1991) dan Slavin (1995) menyatakan bahawa pelajar yang belajar secara bekerjasama dalam kumpulan akan dapat belajar dengan lebih baik dan berupaya meningkatkan prestasi mereka. Dalam pembelajaran koperatif, pelajar akan menjadi lebih bertanggungjawab kerana mereka mempunyai matlamat kumpulan yang perlu dicapai bersama. Kaedah pembelajaran ini menjadikan pelajar lebih aktif di samping menerapkan sikap yang positif dalam diri pelajar kerana pelajar akan mengajar ahli kumpulannya yang lemah. Pelajar juga belajar untuk menghormati pandangan orang lain. Selain daripada itu, pembelajaran koperatif ini juga dapat meningkatkan motivasi pelajar semasa perbincangan dalam kumpulan dan menyebabkan pelajar lebih berminat terhadap pembelajaran yang diikuti.

Seperti yang diketahui masalah bidang kejuruteraan moden semakin rumit untuk diselesaikan pada waktu yang tepat dan cekap oleh jurutera yang bekerja secara individu. Pengalaman Jacobson, et al. (1998), pembelajaran koperatif berkesan dalam bidang pengajian kejuruteraan. Ini telah membuktikan bahawa pembelajaran koperatif juga sesuai digunakan dalam bidang teknikal sepertimana ia sesuai digunakan dalam bidang bukan teknikal. Ini kerana dalam bidang kejuruteraan pelajar perlu memahami konsep kejuruteraan untuk diaplikasikan secara praktikal di alam pekerjaan kelak.

Dalam pembelajaran koperatif, pelajar bukan sahaja diterapkan menguasai amalan bekerjasama tetapi juga dapat meningkatkan kemahiran kognitif sosial.

Contohnya meningkatkan kemahiran komunikasi dan membuat keputusan bersama (Kim, et al. 1998). Selain itu, pembelajaran koperatif juga dapat menolong pelajar mengurangkan kebimbangan semasa berkomunikasi iaitu dengan berkomunikasi antara satu sama lain bagi menyelesaikan masalah kejuruteraan.

Kaedah pembelajaran koperatif ini turut menyumbang kepada kemahiran-kemahiran yang lain seperti kemahiran sosial, mengambil bahagian, mendengar, komunikasi, berfikir dan sebagainya. Menurut Kagan (1994), pembelajaran koperatif adalah satu kaedah pembelajaran yang menekankan penguasaan kemahiran, konsep dan maklumat di mana pelajar akan dikelaskan kepada kumpulan tertentu yang mempunyai dua hingga empat orang ahli. Melalui kemahiran-kemahiran ini, usaha kearah membina sahsiah pelajar yang berani dan tidak takut kepada kegagalan serta ingin mencuba sesuatu perkara dapat dihasilkan. Kemahiran-kemahiran ini amat penting semasa mereka memasuki alam pekerjaan dimana mereka tidak akan berasa kekok untuk berinteraksi dengan individu di tempat kerja serta orang ramai.

Kaedah pembelajaran koperatif memerlukan pelajar bekerjasama untuk belajar dan bertanggungjawab keatas pembelajaran rakan-rakan sepasukan mereka selain daripada pembelajaran mereka sendiri. Selain daripada idea bekerja bersama-sama, kaedah pembelajaran koperatif memberi penekanan kepada penggunaan matlamat pasukan dan kejayaan pasukan yang hanya boleh dicapai sekiranya semua ahli dalam pasukan mempelajari objektif yang diajar. Sekiranya kaedah pembelajaran koperatif ini tidak dilaksanakan dengan betul, secara tidak langsung ia akan memberi peluang kepada peluang mengambil kesempatan melepaskan tugas yang diberikan kepada ahli kumpulan yang lain. Sekiranya perkara ini terjadi, maka objektif dan matlamat pembelajaran koperatif tidak akan berjaya dihasilkan.

Slavin (1995) menyatakan interaksi di kalangan pelajar menggalakkan pencapaian matlamat pembelajaran dengan jayanya daripada belajar sendiri. Pembelajaran koperatif ialah satu corak pembelajaran di mana pelajar bekerjasama belajar bagi mencapai kejayaan melalui sesuatu matlamat yang dikongsi bersama. Woolfolk (1994) menyatakan bahawa dalam menyatakan kaedah pembelajaran koperatif dengan lebih berkesan, setiap ahli kumpulan yang terlibat hendaklah mengeluarkan atau menyumbangkan idea mereka secara aktif. Walaupun begitu, pendapat daripada ahli

kumpulan lain perlu diterima oleh setiap ahli kumpulan bagi memastikan tugas yang dijalankan dengan lancar dan memenuhi objektif dan matlamat kumpulan tersebut.

Pembelajaran koperatif pada dasarnya merupakan satu kaedah pembelajaran yang menggunakan pendekatan pembelajaran berpusatkan pelajar. Melalui pembelajaran koperatif ini, pelajar dapat tolong - menolong serta menggalakkan antara satu sama lain berbincang mencari kata sepakat bagi memenuhi objektif serta matlamat kumpulan tersebut. Oleh hal demikian, terdapat beberapa elemen yang perlu dititikberatkan dan di ambil kira bagi melaksanakan serta menjayakan koperatif ini.

2.2.1 Tujuan Pembelajaran Koperatif

Melalui pengalaman belajar bersama, pelajar akan mendapat manfaat daripada sikap kerjasama dan saling bantu-membantu antara satu sama lain yang diterapkan semasa belajar berkumpulan. Antara tujuan menggunakan kaedah belajar berkumpulan dalam menyediakan suatu projek atau tugas adalah untuk meningkatkan kemahiran komunikasi antara perseorangan dan kumpulan (Idris, 2000). Ini disebabkan kemahiran komunikasi yang baik akan menjayakan matlamat perbincangan kumpulan di mana matlamat kumpulan merupakan matlamat yang saling bergantung.

Selain itu belajar berkumpulan juga dapat membentuk sifat kepemimpinan dan kepercayaan iaitu setiap kumpulan memerlukan seorang ketua, pencatat, pembentang dan sebagainya yang mana kesemuanya mempunyai peranan penting dalam menjayakan suatu projek atau tugas. Di samping itu, mereka juga diberi kepercayaan oleh anggota lain dalam kumpulan untuk menjalankan tugas sebagaimana yang ditetapkan. Belajar berkumpulan juga akan meningkatkan harga diri pelajar.

Menurut Idris (2000), pelajar percaya bahawa mereka adalah individu yang begitu berharga dan penting yang mempunyai keupayaan menghadapi kekecewaan hidup, sentiasa gembira, dan menjadi individu yang produktif. Oleh itu, apabila sesebuah kumpulan telah berjaya menyiapkan suatu projek atau tugas dengan baik, maka setiap anggota yang berada dalam kumpulan tersebut akan berasa lebih berkeyakinan dan seterusnya meningkatkan harga diri mereka.

Belajar secara berkumpulan juga bertujuan memberi peluang kepada pelajar-pelajar mengalami proses pembelajaran mengikut kemampuan dan kecenderungan diri sendiri serta bekerja mengikut kebolehan dan kepantasan masing-masing. Dengan ini pelajar akan lebih bertanggungjawab terhadap pembelajaran mereka apabila mereka belajar secara berkumpulan. Setiap anggota di dalam kumpulan digalakkan nasihat-menasihati antara satu sama lain pada perkara kebaikan. Seorang pelajar yang biasanya malas belajar atau membuat tugas apabila pelajar tersebut diarahkan melakukan tugas dalam satu kumpulan, maka dengan sendirinya dia akan merasakan dirinya mempunyai tanggungjawab yang bukan sahaja terhadap dirinya sendiri tetapi juga tanggungjawab terhadap anggota lain dalam kumpulannya.

Oleh itu, secara kesimpulannya tujuan pembelajaran di dalam kumpulan ini adalah untuk membentuk dan menanamkan kemahiran komunikasi dan juga kepakaran sebagai seorang yang professional dan intelek dalam diri setiap pelajar. Selain itu ia bertujuan untuk memberikan peluang kepada pelajar menjelaskan dan menghalusi pemahaman melalui soal jawab kumpulan dan penyelesaian masalah, meningkatkan keupayaan berfikir dan kemampuan bahasa melalui perbincangan kumpulan, perancangan, dan penyelesaian masalah dan membina kemahiran sosial yang penting seperti kemahiran mendengar dan menghormati pendapat dan pandangan individu lain.

2.2.2 Keberkesanan Pembelajaran Secara Koperatif

Telah banyak kajian yang dilakukan oleh penyelidik-penyelidikan untuk melihat keberkesanan pembelajaran secara koperatif dalam meningkatkan prestasi pencapaian pelajar. Daripada analisis yang dibuat oleh Ismail (2001) pembelajaran secara koperatif dapat memperluaskan skop penilaian kreativiti pelajar. Dalam kemahiran belajar secara interpersonal, penilaian hanya dibuat oleh satu pihak sahaja. Manakala penilaian dalam pembelajaran secara koperatif dilakukan bersama semua pihak iaitu guru atau pembimbing serta ahli pasukan yang lain. Setiap ahli pasukan saling bertindak balas dan secara tidak langsung semua ahli dalam pasukan dapat menyumbangkan idea.

2.3 Elemen- Elemen Asas Dalam Pembelajaran Koperatif

Melalui pembelajaran koperatif, pelajar berbincang dan bertukar-tukar pendapat mengenai bahan-bahan pengajaran, bantu-membantu dan menggalakkan antara satu sama lain berinteraksi untuk mencapai matlamat kumpulan. Kaufman dan Felder (2000) menyatakan bahawa pembelajaran koperatif merupakan satu paradigm pengajaran di mana kumpulan pelajar bekerja dalam tugas (laporan eksperimen atau reka bentuk projek) yang telah distruktur berdasarkan pada lima kriteria iaitu kebergantungan secara positif, akauntabiliti individu, interaksi bersemuka, penggunaan kemahiran kolaboratif yang sesuai dan selalu membuat penilaian diri bagi fungsi setiap ahli kumpulan.

Johnson, (1989) mengenalpasti terdapat lima elemen asas yang perlu diberi penekanan agar pembelajaran koperatif ini berjaya dilaksanakan. Melalui pendekatan pembelajaran koperatif ini, pelajar akan dapat melaksanakan aktiviti pembelajaran yang meliputi lima elemen asas iaitu pergantungan yang positif, kebertanggungjawaban individu, interaksi secara bersemuka, keperluan kemahiran perhubungan individu dan kemahiran muafakat kumpulan kecil dan pemprosesan kumpulan.

2.3.1 Pergantungan yang positif

Menurut Johnson, Johnson dan Holubec (1990), saling pergantungan positif ialah persepsi bahawa nasib ahli-ahli sekumpulan adalah serupa dan mereka adalah saling bergantung di antara satu sama lain untuk mencapai sesuatu matlamat yang sama. Semua ahli kumpulan perlu mengambil berat tentang pembelajaran diri sendiri dan juga pembelajaran rakan-rakan sekumpulan. Ini bermakna semua ahli mesti berjaya mencapai matlamat sebelum sesuatu kumpulan itu dianggap sudah berjaya.

2.3.2 Kebertanggungjawaban individu

Kebertanggungjawaban individu bermaksud setiap ahli kumpulan perlu melibatkan diri secara aktif untuk membantu kumpulan mencapai matlamat. Di mana setiap ahli kumpulan perlu berpegang kepada prinsip bertanggungjawab secara individu dalam memberi apa jua sumbangan dan menguasai semua perkara yang di pelajari. Setiap ahli kumpulan perlu melakukan pembelajaran secara individu kerana pencapaian kumpulan turut bergantung kepada pencapaian individu ahli kumpulan yang lain.

Kumpulan koperatif adalah bertujuan untuk menjadikan setiap ahli individu menjadi lebih berkebolehan (Husin & Abdul Aziz, 2003). Ini bermakna setelah menyelesaikan sesuatu tugas kumpulan secara berkoperatif, setiap ahli kumpulan mesti berupaya melakukan dan menyiapkan tugas yang sama bersendirian.

2.3.3 Interaksi Secara Bersemuka

Interaksi secara bersemuka boleh didefinisikan sebagai ahli-ahli di dalam kumpulan koperatif yang menggalakkan dan memudahkan usaha ahli-ahli lain untuk menyelesaikan tugas yang diberikan. Slavin (1995) menyatakan interaksi di kalangan pelajar menggalakkan pencapaian matlamat pembelajaran dengan jayanya daripada belajar sendiri. Walaupun sebahagian kerja dilakukan secara individu, sebahagian kerja lain perlulah dilakukan secara interaktif di kalangan ahli kumpulan, memberikan maklum balas, mencari rumusan terbaik dan menyampaikan apa yang telah mereka pelajari. Untuk menjadikan interaksi secara bersemuka ini lebih baik, pujian, galakan, sokongan dan saling membantu antara ahli kumpulan adalah diperlukan. Dalam interaksi secara bersemuka, pelajar perlu melakukan tugas yang diberikan bersama-sama dan berusaha mempertingkatkan kajayaan. Setiap ahli kumpulan perlu berkongsi sumber dan saling bantu-membantu, menyokong, menggalakkan dan menghargai usaha

yang dicapai oleh setiap ahli kumpulan yang lain. Kajian yang dilakukan oleh Johnson, (1989) mendapati bahawa di antara kesan interaksi bersemuka ialah ia dapat mempengaruhi usaha setiap ahli kumpulan untuk mencapai matlamat bersama, memotivasikan setiap ahli kumpulan untuk mencapai matlamat bersama serta dapat mengurangkan rasa bimbang dan tekanan.

2.3.4 Keperluan Kemahiran Perhubungan Individu dan Kemahiran Muafakat Kumpulan Kecil

Bagi memenuhi keperluan kemahiran perhubungan individu dan kemahiran muafakat kumpulan kecil, pelajar digalakkan serta dibantu membentuk dan berlatih mengenai membina kepercayaan, kepimpinan, membuat keputusan, berkomunikasi dan kemahiran pengurusan konflik. Kemahiran sosial ini perlu di ajar dan mendorong mereka untuk mempraktikkannya sama seperti pelajaran akademik (Husin & Abdul Aziz, 2003). Kemahiran- kemahiran ini dapat menggalakkan komunikasi, mewujudkan kepercayaan, memperbaiki proses membuat keputusan dan melicinkan pengurusan konflik dalam kumpulan. Kemahiran sosial yang baik di kalangan ahli kumpulan penting agar setiap ahli kumpulan tidak berasa segan atau takut untuk mengeluarkan idea, pendapat dan juga pandangan mereka walaupun apa yang diutarakan oleh mereka mungkin ditolak oleh ahli kumpulan yang lain.

2.3.5 Pemprosesan Kumpulan

Pemprosesan kumpulan wujud apabila ahli-ahli kumpulan berbincang sejauh mana mereka telah dapat mencapai matlamat mereka dan mengekalkan kerja-kerja saling berhubungan secara efektif. Setiap ahli kumpulan perlu menjelaskan aksi-aksi atau

tingkahlaku-tingkahlaku yang berguna serta membuat keputusan tentang tindakan yang akan dilakukan seterusnya atau perlu mengubahnya untuk membantu ahli kumpulan yang lain untuk mencapai matlamat. Ahli kumpulan perlu sentiasa menilai sejauh mana mereka bertindak sebagai sebuah kumpulan sambil mengenalpasti perubahan yang perlu untuk berfungsi lebih efektif pada masa depan. Menurut Johnson (1989), kumpulan pembelajaran koperatif perlu membuat refleksi diri untuk menerangkan dan membincangkan tindakan ahli-ahli kumpulan yang dapat membantu dan tidak membantu mencapai matlamat kumpulan. Semasa pemprosesan kumpulan, ahli-ahli boleh membuat refleksi secara individu tentang cara perfunksian atau perjalanan kumpulan mereka pada hari tersebut atau selepas mengakhiri sesuatu unit (Gin, 2002).

2.4 Teknik Pembelajaran Koperatif

Terdapat beberapa teknik yang boleh digunakan dalam pembelajaran koperatif. Di antaranya ialah:

2.4.1 Belajar Bersama (*Learning Together*)

Teknik belajar bersama telah diperkenalkan dalam pembelajaran koperatif yang dinyatakan oleh Abdul Kadir (2002), iaitu matlamat seseorang pelajar hanya dicapai sekiranya matlamat tersebut dicapai oleh pelajar lain. Kelebihan teknik ini adalah dalam aspek penyelesaian konflik dan pemprosesan secara kumpulan. Walau bagaimanapun, ciri saling bergantung dalam bentuk bahan pembelajaran dan matlamat kurang berjaya meningkatkan pencapaian pelajar di bawah teknik ini. Ciri ganjaran perlu dimasukkan dalam teknik ini untuk menjadikan teknik belajar bersama berkesan dari segi pencapaian.

Vokasional. Seterusnya, hasil kajian yang telah diperolehi diharapkan dapat menjadi

rujukan kepada pihak-pihak tertentu.

RUJUKAN

Abdul Kadir, S. (2002). *Perbandingan Pembelajaran Koperatif dan Tradisional Terhadap Prestasi, Atribusi Pencapaian, Konsep Kendiri Akademik dan Hubungan Sosial dalam Pendidikan Perakaunan*. Universiti Putra Malaysia: Tesis Doktor Falsafah.

- Yusof, A. A.(2000). *Pengurus dan Gelagat Organisasi di Abad ke 21*. Selangor: Prentice Hall. 25-92.
- Abu, M. S. dan Tasir. Z (2003). *Analisis Data Berkomputer SPSS 11.5 for Windows*. Skudai: Venton Publishing.
- Awang, M (2000). *Manual Kertas Kerja*. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ab. Samad, R. S. dan Jamaluddin, S. (2005). *Peranan Kepimpinan Guru Dalam Mempengaruhi Iklim Bilik Darjah*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Abu, M. S dan Tasir, S (2003). *Analisis Data Berkomputer SPSS 11.5 for Windows*. Skudai: Venton Publishing.
- Borhan, L (2001), *Pembelajaran Koperatif yang berkesan*. Fakulti Pendidikan Universiti Malaya, 2001.
- Berita Harian (2007, Januari 25). Pembelajaran Berpasukan Bentuk Kemahiran Insaniah. Dicapai pada Ogos 27, 2007 dari <http://www.bharian.com.my/pendidikan.html>.
- Chamber, S. B & Abrami, P. C.(1991). *The Relationship Between Student Team Learning Outcomes and Achievement Casual Attributions and Affest*. Journal Of Educational Psychology. 81, 140-146.
- Chua, Y. P (2006). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan*. Buku 1: Kaedah Penyelidikan Malaysia McGraw-Hill Education.

- Ee, A. M. (1997). Pedagogi 2.dlm. *Pelaksanaan Pengajaran*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn.Bhd. ms. 23-34
- Elias, H dan Yaakub, N. F (1998). *Psikologi Personaliti*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ettikan, K (2008). *Pembelajaran Kooperatif Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Teknik*. Universiti Tun Hussien Onn: Thesis PSM.
- Floyd (1991). *The IBM Multimedia Handbook*. New York: Brady Publishing.
- Gan, T. H (1999). Mencari Titik Perseimbangan Di Antara Keunggulan Teori Dan Kenyataan Praktis: Satu Kes Pelaksanaan Pembelajaran Kooperatif Dalam Pengajaran Matematik Sekolah Rendah. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan MPS* . 2. ms 68-85.
- Gin, S. S. (2000). *Pembelajaran Kooperatif*. Dicapai pada Ogos 25,2007: http://www.geocities.com/devlin_sigma2002/koperatif.htm.
- Ghazali, S. (2002). *Amalan pembelajaran kooperatif di kalangan guru-guru mata pelajaran teknik dan vokasional: Satu tinjauan di tiga buah Sekolah Menengah Teknik di Negeri Selangor / Skudai*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis. ms 8-10
- Hamm, M. dan Adam, D M. (1994). *New Designs For Teaching And Learning In Tommorrow's Schools*: San Francisco, California. ms 98-99.
- Hj. Yahaya, A. Sihes, A. J.dan Ghazali, S. (2002). Amalan

Pembelajaran Kooperatif di Kalangan Guru-Guru Mata Pelajaran Teknik Dan Vokasional Di Tiga buah Sekolah Teknik di Selangor. UTM: *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*.

Hashim, S dan Yaakub, D. R (2004). *Psikologi Pembelajaran dan Personaliti*. Pahang: PTS Publication & Distributors Sdn Bhd.

Husin, K. & Abdul Aziz, S. H. (2003). *Pedagogi Asas Pendidikan*. Kuala Lumpur : Kayazano Enterprise.

Idris, F. (2000). Pengajaran Pembelajaran Bahasa. *Jurnal Bahasa*. Dipetik pada Januari 22, 2003, dari <http://dbp.gov.my/dbp98/majalah/bahasa20/mac/j03ajar.htm>

Idid, S, A (2002). *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*. Selangor. Dewan Bahasa dan Pustaka. 25

Jill, B. (1987). *Implementing The Learner Centered Curriculum*: NCP Seminar Plenary Papers English Language Teaching & Research.

Johnson, D. W., dan Roger, T. J (1989). *Cooperation And Competition: Theory And Research*. Edina, Minn.: Interaction Book Co.

Jacobson, D. D. dan Jacobson, L. B. (1998). Ten Myths of Cooperative Learning Engineering Education. *Journal Of Research*.

Johnson, D., Johnson, R., dan Holubec, E. (1999). *The New Circles of Learning: Cooperation in the Classroom and School*. Alexandria, VA: Association for Supervision and Curriculum Development.

Johnson, B., & Christensen, L. (2004). *Educational research: Quantitative,*

qualitative, and mixed approaches (2nd edition). Boston, MA: Pearson Education Inc.

Jones, D. S. (1993). *Survey Research Method*. New York: Holt Rinehart and Winston.

Johari, K.(2003). *Penyelidikan Dalam Pendidikan Konsep Dan Prosedur*. Petaling Jaya: Prentice Hall.

Kagan, S. (1994). *Cooperative Learning*. California: San Juan Capistrano.

Kim, J.B. Cohen A.S, Booske J. H. Derry S. J. (1998). Application Of Cooperative Learning In A Introductory Engineering Course. *Journal Of Research*.

Kamus Dewan (1998), Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kaufman, D.B. dan Felder, R. M.(2000). Accounting for Individual Effort in Cooperative Learning Teams. *Journal of Engineering Education*. Ms. 89(2).

Konting, M. M (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kassim, Z. (2003). *Kemahiran Komunikasi, Pembabitian dan Pencapaian Pelajar Perdagangan Melalui Kaedah Pembelajaran Koperatif*. Universiti Sains Malaysia: Tesis Doktor Falsafah.

Lau, T. K. dan Awang. Z (2001). *Statistik Asas UiTM*. Selangor: Penerbit Fajar Bakti.

Mohd Megat, N., Zainuddin, M., Abu Hasan, N. dan Syed Yahya Kamal, S. A

(2006). Kajian Kes Penggunaan Pembelajaran Koperatif dan Kemahiran Generik Dalam Pencapaian Mata Pelajaran Logik Digital. *Jurnal Penyelidikan*.

Mohamad Nor, K. (1993). *Kaedah Pembelajaran Berkesan*. Kuala Lumpur: Cahaya Pantai Sdn. Bhd. ms.29.

Md Shariff, A. (1994). "Strategi Pendidikan Bahasa Melayu." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 5

Nesrin, O. dan Nazli, Y. (2004). " The Effect of Learning Together Technique of Cooperative Learning Method on Student Achievement in Mathematic Teaching 7th Class of Primary School". *The Turkish Journal of Educational Technology*. 3. (3).

Newmann F.M & Thompson, (1987). *Effects Of Cooperative Learning On Achievement In Secondary Schools*. A summary of research.

Ngah Razali, S. (1996). *Analisis Data dalam Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ngah Razali, S. (1997). *Analisis Data Dalam Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.13

Othman, Y. (1990). *Mengajar Membaca Teori & Aplikasi: Panduan Meningkatkan Kemahiran Mengajar Membaca*. Pahang: PTS Publication & Distributors. ms. 8-10.

Polai, S. (2001). *Satu Kajian Terhadap Kepentingan Penghayatan dan Pengamalan Pembelajaran Koperatif bagi Pelajar Sarjana Pendidikan PTV KUITTHO*. Sept.2001. Perpustakaan KUITTHO.

- Robert, F. J. S. (2003). Cooperative Learning In The Digital Electronic Course. *Journal of Research*
- Said, H. (2000). *Penggunaan Pembelajaran Koperatif Dalam Pengajaran Di Institusi Pengajian Tinggi*. Skudai, Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Salleh, R. A.Bakar, A & Abdul Raffar, R. (2005). Keberkesanan Pembelajaran Koperatif Dalam Meningkatkan Penguasaan Pelajar Hayat Terhadap Isi Kandungan Mata Pelajaran Biologi Serta Mempengaruhi Pencapaian Pelajar. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*
- Sabitha, M. (2005). *Hubungan Manusia dalam Persekitaran Sosial*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors.
- Shernen, L.W.& Thomas,. M. (1986). Mathematics Archievement In Cooperative Versus Individualitic Goal. Structured High School Classroom. *Journal Of Research*.
- Slavin, R. E. (1995). *Cooperative Learning*. Needhem Height, MA: Allyn & Bacon.
- Sekaran, U. (1992). *Research Methods for Bussiness: A Skill Building Approach*. 2nd Edition. Canada: John Wiley & Sons Inc. 38
- Todd, R. W. (1999). "Classroom Teaching Strategies". Kuala Lumpur: Heineman.
- Woolfolk, A.E. (1994). *Educational Psychology*. Needhem Height, MA: Allyn & Bacon.
- Wiersma, W. (1995). *Research Method in Education An Introduction*. 5th Edition Boston: Allyn & Bacon.

Yaakub, R. , Ahmad, M. Z. dan Hashim, S (2003). *Pedagogi: Strategi Dan Teknik Mengajar Dengan Berkesan*. Pahang: PTS Publications & Distributor Sdn.Bhd.21

Salleh, R., Abu Bakar, A. dan Abdul Raffar, R. (2005). *Keberkesanan Pembelajaran Koperatif Dalam Meningkatkan Penguasaan Pelajar Hayat Terhadap Isi kandungan Mata Pelajaran Biologi Serta Mempengaruhi Pencapaian Pelajar*. Jurnal Penyelidikan Pendidikan.

Zakaria, E. (1998). *Pembelajaran Koperatif*. Universiti Kebangsaan Malaysia: Tesis

Zain, I. (2001, Mac 28). Faedah Pembelajaran Koperatif Dalam Sistem Penilaian. Siri Pembelajaran Koperatif Bestari. *Utusan Malaysia*,

Zol Azlan. (2000). *Strategi Pengajaran Pendekatan Sains teknologi masyarakat*. Selangor: Prentice Hall